



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 6-8 Mei 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Kes Adik Bella Bukti KPWK Beri Perhatian Nasib Anak Istimewa</p> <p>https://tvstv.my/2023/05/07/kes-adik-bella-bukti-kpwkm-beri-perhatian-nasib-anak-istimewa/</p> <p>https://suarasarawak.my/kes-pengabaian-penderaan-bella-perlu-dijadikan-pengajaran-nancy/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/07/elak-jalani-aktiviti-rekreasi-riadah-terlalu-lama</p> <p>https://sarawakvoice.com/kes-bella-harus-dijadikan-pengajaran/</p> <p>https://sarawaknews.com/kpwkm-berusaha-realisasikan-penubuhan-jabatan-kanak-kanak/</p>	<p>TVSTV</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Sarawak Voice</p> <p>Sarawak Nawa</p>	Neutral

	https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/07/hukuman-penjara-dijatuhkan-terhadap-siti-bainun-adalah-pengajaran-kepada-semua	Utusan Borneo	
2	<p>Kerajaan Beri Peruntukan RM3 Juta Kepada Bulan Sabit Merah Malaysia</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/05/kerajaan-beri-peruntukan-rm3-juta-kepada-bulan-sabit-merah-malaysia/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/906107/pm-announces-rm3-million-allocation-malaysian-red-crescent-society-nsttv</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1097382/pm-umum-rm3-juta-untuk-pbsm</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>NST</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
3	<p>Hope Place Bantu Ibu Tunggal Dengan Dua Anak Kurang Upaya</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/06/hope-place-bantu-ibu-tunggal-dengan-dua-anak-kurang-upaya</p>	Utusan Borneo	Neutral
4	<p>Reman Ibu Amang Seksual Anak Lelaki, Sambung 3 Hari</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/964293/reman-ibu-amang-seksual-anak-lelaki-sambung-3-hari</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1098195/reman-ibu-amang-seksual-anak-lelaki-sendiri-disambung-tiga-hari?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/reman-ibu-amang-seksual-anak-sendiri-disambung-tiga-hari/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/07/reman-ibu-amang-seksual-anak-lelaki-14-tahun-sambung-tiga-hari/</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/07/reman-wanita-disyaki-buat-amang-seksual-terhadap-anak-disambung/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p>	Neutral

5	<p>258 Kediaman Terjejas Akibat Ribut Di Kampung Melayu Majidee</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/06/258-kediaman-terjejas-akibat-ribut-di-kampung-melayu-majidee/</p>	Kosmo	Neutral
6	<p>Mahu Bebas, Ikut Kekasih Punca Remaja Lari Rumah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1098007/mahu-bebas-ikut-kekasih-punca-remaja-lari-rumah</p>	Berita Harian	Neutral
7	<p>Polis Siasat Dakwaan Kanak-Kanak Cedera Langgar Lari</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/06/polis-siasatan-dakwaan-kanak-kanak-cedera-langgar-lari/</p>	FMT	Neutral
8	<p>Mayat Seorang Wanita Ditemukan Dalam Longkang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-seorang-wanita-ditemukan-dalam-longkang-418404</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=xQ5yYyKJH70</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/257257/berita/semasa/bau-busuk-bawa-penemuan-mayat-wanita</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
9	<p>Wanita Maut Selepas Kejar Dan Langgar Peragut Beg Tangan</p> <p>https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/05/wanita-maut-selepas-kejar-dan-langgar-peragut-beg-tangan/</p>	Utusan	Neutral
10	<p>Warga Emas Wanita Ditemukan Mati Di Rumah</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-wanita-ditemukan-mati-di-rumah/</p> <p>https://headtopics.com/my/warga-emas-wanita-ditemukan-mati-di-rumah-38848884</p>	<p>Utusan</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
11	<p>Warga Emas Cedera, Rumah Didiami Terbakar</p>		Neutral

	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62932-warga-emas-cedera-rumah-didiami-terbakar	Berita RTM	
12	Kakak OKU, Adik Nyaris Rentung Dalam Kebakaran https://www.sinarharian.com.my/article/257031/berita/semasa/kakak-oku-adik-nyaris-rentung-dalam-kebakaran	Sinar Harian	Neutral
13	Lelaki Pukul Isteri, Tendang Anak OKU Ditahan https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/964121/lelaki-pukul-isteri-tendang-anak-oku-ditahan https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/lelaki-mabuk-pukul-isteri-anak-oku-ditahan-polis/ https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/05/07/pukul-isteri-tendang-anak-oku-lelaki-mabuk-ditahan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=pukul-isteri-tendang-anak-oku-lelaki-mabuk-ditahan https://utusanv.com/2023/05/07/lelaki-mabuk-pukul-isteri-tendang-anak-oku-ditahan-polis/ https://headtopics.com/my/lelaki-mabuk-pukul-isteri-anak-oku-ditahan-polis-38849712 https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-mabuk-pukul-isteri-anak-oku-ditahan-polis/	Harian Metro Utusan Warta Rakyat Utusan TV Head Topics Buletin TV3	Neutral

KES ADIK BELLA BUKTI KPWKM BERI PERHATIAN NASIB ANAK ISTIMEWA

<https://tvstv.my/2023/05/07/kes-adik-bella-bukti-kpwkm-beri-perhatian-nasib-anak-istimewa/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 7 Mei: Keputusan kes perbicaraan kes penderaan anak istimewa sindrom down yang dikenali sebagai adik Bella memberikan satu isyarat kepada masyarakat bahawa Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memastikan pembelaan sewajarnya diberikan terhadap kes-kes tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementerian itu menyambut baik keputusan perbicaraan kes penderaan anak istimewa sindrom down yang dikenali sebagai adik Bella itu.

“Ini (kes Adik Bella) adalah satu pengajaran untuk mereka yang menjalankan program iaitu di Pusat Penjagaan Kanak-Kanak.

“Memang banyak perkara yang berlaku, tetapi dengan adanya keputusan Bella ini ia akan memberi satu amaran atau signal kepada orang di luar sana dan kita di kementerian, kerajaan tidak akan berputus asa untuk memastikan kita mendapat pembelaan untuk Bella ini,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Larian Amal Kelab Rotary di sini, hari ini.

Beliau berkata, kejayaan kes itu bukti bahawa kementeriannya sentiasa komited dalam memastikan kebajikan anak-anak dalam dalam perlindungan sentiasa dijaga dengan selamat.

Malah, beliau turut menghargai peranan yang dimainkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sentiasa membantu kementerian itu khususnya berkaitan usaha untuk mendapatkan pengadilan terhadap kes adik Bella.

Pada 3 Mei lalu, Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur mendapati pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali bersalah mengabaikan dan menganiaya seorang remaja sindrom down dikenali Bella. – TVS

KERAJAAN BERI PERUNTUKAN RM3 JUTA KEPADA BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

<https://malysiagazette.com/2023/05/05/kerajaan-beri-peruntukan-rm3-juta-kepada-bulan-sabit-merah-malaysia/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dalam usaha memperkasakan kerja-kerja sukarelawan dan bantuan yang dijalankan persatuan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu melibatkan perkhidmatan ambulan kecemasan 999, geran persediaan menghadapi bencana melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan disalurkan untuk persiapan pembangunan kapasiti di ibu pejabat dan negeri.

“Menteri (Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) Nancy Shukri menyebut tentang peruntukan yang diserahkan melalui kementerian dan beliau juga telah bersetuju RM1 juta dari agensi pengurusan bencana negara NADMA .

“Itu khusus untuk kerja-kerja kebajikan atau usaha-usaha di lapangan baik dalam negara atau luar negara. Itu yang NADMA, tambahan RM1 juta.

“Dan untuk memperkukuh memastikan penyelenggaraan pengurusan di ibu pejabat dan negeri negeri itu lebih mantap, saya setuju menambah untuk ibu pejabat negeri sebanyak RM1 juta lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-75 dan Perasmian Ibu Pejabat Kebangsaan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) di sini hari ini.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang merupakan Pengerusi Kebangsaan BSMM.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan Kadet Bulan Sabit Merah Malaysia pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-75 dan Perasmian Ibu Pejabat Bulan Sabit Merah Malaysia di Ibu Pejabat Bulan Sabit Merah Malaysia, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 05 MEI 2023.

Anwar menambah, kerajaan sentiasa menghargai peranan sukarelawan di negara ini yang sanggup merisikokan diri sendiri dalam usaha menyampaikan bantuan dan kebajikan, sama ada di dalam mahupun luar negara.

Beliau berkata, semangat yang ada dalam sukarelawan itu juga selaras dengan gagasan MADANI iaitu ihsan yang mementingkan sifat kemanusiaan sejagat tanpa mengira perkauman sempit.

“Kemanusiaan itu bererti kita ada ihsan dan kasih sayang. Nilai kemanusiaan itu apabila kita bertimbang rasa, ada kasih dan sayang, mereka akan bantu yang menghadapi masalah dan ini satu hal yang dikembangkan Bulan Sabit Merah.

“Selama 75 tahun dalam sejarah Bulan Sabit Merah ini iaitu hampir umur saya dan dengan pengalaman mereka bukan baru, di media dipaparkan setiap kali malapetaka, bencana dan perang saudara, kehadiran wakil mereka ada (terdapat yang) menyabung nyawa dan menghadapi risiko termasuk ada yang cedera,” katanya.

Justeru, Anwar mahu kementerian berkaitan untuk membantu dan mengalakkan lebih ramai anak muda untuk terlibat sama dalam kerja-kerja sukarelawan dan kebajikan. – MalaysiaGazette



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diiringi Tunku Temenggong Kedah yang juga Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Ibni Almarhum Tuanku Abdul Halim Mua'dzam Shah (kiri) melihat galeri foto pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-75 dan Perasmian Ibu Pejabat Bulan Sabit Merah Malaysia di Ibu Pejabat Bulan Sabit Merah Malaysia, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 05 MEI 2023.'

HOPE PLACE BANTU IBU TUNGGAL DENGAN DUA ANAK KURANG UPAYA

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/06/hope-place-bantu-ibu-tunggal-dengan-dua-anak-kurang-upaya>

Sumber : Utusan Borneo



KUCHING: Persatuan Kebajikan Harapan Kuching atau Hope Place baru-baru ini tampil menyalurkan bantuan kepada ibu tunggal yang hidup dalam kesusahan menjaga dan menyara dua anaknya.

Lebih menyukarkan kedua-dua anak Castira Sisiw, 27, yang tinggal bersama ibu bapanya yang sudah berusia di Kampung Koran Plaman, Serian adalah anak-anak kurang upaya.

Anak perempuan Castira yang berusia 11 tahun mengalami kecacatan pendengaran dan menggunakan alat bantuan pendengaran, manakala anak lelakinya yang berusia lapan tahun mengalami kecacatan fizikal.

Meskipun mempunyai sokongan kaki pada kedua-dua kakinya yang membantunya berjalan, Miquel, anak lelaki Castira bagaimanapun tidak dapat berlari atau bergerak pantas seperti kanak-kanak lain.

Ibu kepada Castira pula, yang berusia 61 tahun, baru-baru ini didiagnosis dengan tumor dan ini menjadikan keadaan lebih teruk bagi ibu tunggal tersebut.

Castira sebelum ini bekerja di sebuah kilang di Semenanjung Malaysia, namun terpaksa kembali ke kampung halamannya selepas tahap kesihatan ibunya semakin merosot. Sekembalinya ke sini, Castira tidak bekerja kerana menjaga sepenuh masa ibu bapa dan dua anaknya.

Castira bagaimanapun bersyukur kerana menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan untuk kedua-dua anaknya selain sokongan kewangan daripada abangnya dari semasa ke semasa.

Prihatin dengan kesusahan Castira, Hope Place tampil menyalurkan sumbangan kepada Castira dan keluarga baru-baru ini berupa makanan asas.

Untuk maklumat lanjut atau perlukan bantuan daripada Hope Place boleh hubungi menerusi talian 082-505987 antara jam 8 pagi dan 5 petang pada Isnin hingga Jumaat dan 8 pagi dan 12 tengah hari pada Sabtu.

REMAN IBU AMANG SEKSUAL ANAK LELAKI, SAMBUNG 3 HARI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/964293/reman-ibu-amang-seksual-anak-lelaki-sambung-3-hari>

Sumber : Harian Metro



Shah Alam: Reman seorang ibu yang dipercayai melakukan amang seksual fizikal terhadap anak lelakinya berusia 14 tahun disambung selama tiga hari, bermula hari ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Ramli Kasa berkata reman terhadap wanita berusia 33 tahun itu dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Kuala Selangor pagi tadi.

"Sambung reman hingga 10 Mei 2023 (Rabu)," jawabnya ketika dihubungi Bernama petang ini.

Pada 4 Mei lalu, Bernama melaporkan seorang ibu lima anak direman lima hari bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Wanita itu ditahan di kediamannya di Puncak Alam, dekat sini pada 2 Mei selepas polis menerima laporan daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mendapat maklumat mengenai perbuatan itu menerusi sebuah video yang diperoleh daripada individu tidak dikenali.

258 KEDIAMAN TERJEJAS AKIBAT RIBUT DI KAMPUNG MELAYU MAJIDEE

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/06/258-kediaman-terjejas-akibat-ribut-di-kampung-melayu-majidee/>

Sumber : Kosmo



JOHOR BAHRU – Jumlah keseluruhan kediaman yang terjejas akibat kejadian ribut di Kampung Melayu Majidee di sini kelmarin sebanyak 258 buah.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, ia jumlah akhir yang diterima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas semua mangsa selesai membuat pendaftaran.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru berkata, pihaknya berharap bantuan awal diumumkan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi kelmarin akan diberikan secara sama rata kepada semua keluarga terjejas.

“Sebagai bantuan segera, Pejabat Ahli Parlimen Johor Bahru akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM80,000 kepada yang terjejas pada minggu ini juga. Saya tahu jumlah itu mungkin tidak besar, tetapi ia akan disegerakan.

“Sumbangan diberi bukan sahaja dalam bentuk kewangan tetapi juga keperluan harian termasuk makanan dan sebagainya,” katanya kepada pemberita selepas melawat beberapa kediaman yang terjejas dalam kejadian ribut di Kampung Melayu Majidee di sini hari ini.


Dalam pada itu, Akmal Nasrullah turut berharap kerajaan negeri melaporkan kejadian yang berlaku kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) memandangkan kerajaan negeri mempunyai akses kepada dana Nadma.

Semalam, Onn Hafiz memaklumkan kerajaan negeri akan memberikan bantuan awal berjumlah RM3,000 kepada keluarga yang terjejas akibat kejadian ribut di kawasan berkenaan. – KOSMO! ONLINE

MAHU BEBAS, IKUT KEKASIH PUNCA REMAJA LARI RUMAH

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1098007/mahu-bebas-ikut-kekasih-punca-remaja-lari-rumah>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Mencari kebebasan hidup, kurang mendapat perhatian dan perselisihan dalam keluarga dikenal pasti sebagai punca utama yang membawa kepada anak-anak atau remaja melarikan diri dari rumah.

Berdasarkan data dan siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), golongan berkenaan juga didapati meninggalkan rumah kerana terpengaruh dengan rakan, tidak minat untuk belajar, selain ada yang bertindak atas ajakan kekasih.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata bagi tempoh tiga tahun antara 2019 hingga 2022, sejumlah 2,977 atau 82.95 peratus daripada 3,589 kes kanak-kanak dilaporkan hilang di negara adalah disebabkan perbuatan sengaja melarikan diri dari rumah.

"Daripada siasatan polis mendapati faktor atau penyebab utama remaja sengaja lari dari rumah adalah kerana ingin mencari kebebasan iaitu 39.23 peratus atau 1,168 orang.

"Jumlah kanak-kanak melarikan diri dari rumah ini amat membimbangkan kerana boleh membawa kepada punca gejala sosial yang lain kerana kelompok remaja berusia antara 13 hingga 15 tahun mencatatkan jumlah tertinggi dengan 1,973 orang.

"Antara gejala sosial dikenal pasti adalah perlakuan seks bebas, mengandung di luar nikah, pembuangan bayi, terjerat dengan jenayah dadah, jenayah curi, khianat atau merosakkan harta benda dan sebagainya," katanya kepada BH.

Siti Kamsiah berkata, sepanjang tempoh itu juga 80 kes kehilangan kanak-kanak disebabkan kemalangan atau bencana seperti hilang di laut, di kebun sawit, hutan, dibaham buaya atau dijumpai mati.



Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan. - NSTP/Asyraf Hamzah

Katanya, tidak kurang juga kes kanak-kanak yang dilarikan penjaga seperti kes membabitkan ibu bapa yang bercerai, lari mengikut ibu atau bapa tiri dan mengikut ibu atau bapa angkat yang membabitkan 62 kes.

Beliau mengakui, ada juga kes kanak-kanak bertindak lari demi menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa jenayah di rumah, namun kes seperti itu adalah kecil.

Katanya, laporan mengenai kejadian kanak-kanak hilang juga diterima sepanjang tahun tanpa mempunyai tempoh masa atau musim tertentu yang menjadi faktor perbuatan itu.

"Mereka hilang tak tunggu musim, sepanjang tahun ada kes yang dilaporkan dan faktor adalah seperti perselisihan faham dengan keluarga, mahukan kebebasan adalah yang paling tinggi.

"Daripada jumlah yang hilang atau melarikan diri itu, 97.65 peratus kes selesai atau ditemui semula, dengan 0.8 peratus atau 28 orang kanak-kanak ditemui meninggal dunia," katanya.

Susulan itu, Siti Kamsiah menasihati ibu bapa supaya memainkan peranan penting dalam aktiviti seharian anak mereka.

"Ibu bapa perlu mengambil tahu dengan siapa anak mereka berkawan dan bukan sekadar mengetahui nama rakan. sebaliknya turut mencatatkan maklumat penting seperti nombor telefon, alamat serta maklumat ibu bapa rakan anak mereka," katanya.

Hadkan pergerakan anak

Selain itu, Siti Kamsiah menasihati ibu bapa untuk mengehadkan waktu pergerakan anak masing-masing sesuai dengan umur dan kematangan mereka.

"Ada ibu bapa membiarkan anak mereka yang berusia kurang 10 tahun keluar rumah sendirian pada waktu malam.

"Ibu bapa harus peka kawasan sekeliling dan jangan ambil mudah keselamatan anak walaupun anak keluar untuk ke kedai berhampiran, sepatutnya cakna keadaan sekeliling sama ada selamat atau tidak untuk membiarkan anak kecil keluar bersendirian pada waktu malam, malah waktu siang juga perlu diambil perhatian." katanya.

Beliau berkata, hubungan rapat antara ibu bapa dengan anak juga mampu mencegah risiko anak lari rumah atas pengaruh kawan, mengikut emosi atau mengikut kekasih.

Katanya, ada kes anak keluar rumah selama beberapa hari, dilaporkan hilang dan sebagainya, apabila pulang mengaku sudah mengadakan hubungan seks dengan kekasih.

"Perkara itu tidak berakhir di situ kerana anak itu kemudian didapati mengandung. Apabila remaja itu dikahwinkan dalam keadaan tidak bersedia dan mengandungkan anak yang tidak diingini, tekanan dalam rumah tangga boleh menjadikan pasangan itu bertindak di luar jangkauan sehingga mendera bayi mereka atau suami memukul isteri dan sebagainya," jelasnya.

Mengulas kes yang masih dibuka atau kanak-kanak yang belum dijumpai, Siti Kamsiah menegaskan, PDRM tidak pernah menutup mana-mana kes kanak-kanak hilang sehingga mangsa ditemui sama ada hidup atau meninggal dunia.

Antara kes masih dalam siasatan adalah kehilangan Tin Song Sheng, 7, yang dilaporkan hilang sejak 1996; kes Sharlini Mohd Nashar, 5, yang dilaporkan hilang ketika bermain dengan kawan

di Taman Medan, Petaling Jaya pada 2008 dan Muhammad Asmawi Jalaludin, 11, yang hilang sejak 2008 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur,

Kes lain yang masih dibuka siasatan adalah kehilangan Nisha Chandramohan, 2, yang hilang sejak 2010; Low Min You, 3, hilang sejak 2014; Jenifer Anthonysamy, 11, sejak 2015 selepas tidak pulang dari sekolah, dan Qaseh Qumairah Damia Abdullah, 7, hilang sejak 2017 yang tidak pulang ke rumah selepas keluar bermain dengan kawan.

Siti Kamsiah juga menegaskan, PDRM tidak menetapkan sebarang had masa untuk kes kanak-kanak hilang dan siasatan diteruskan sehingga kanak-kanak ditemui semula sama ada hidup atau mati.

"Kertas Enkuiri Poilis (KEP) akan terus dibuka sehingga kanak-kanak yang hilang itu dijumpai semula.

"PDRM tidak menutup kes berhubung kanak-kanak hilang walaupun ia berlaku 10 tahun lalu, malah siasatan tetap berjalan berdasarkan maklumat terkini yang diperoleh," katanya.

Ibu bapa kanak-kanak hilang boleh didakwa

Ibu bapa kanak-kanak yang dilaporkan hilang boleh didakwa kerana kecuaiannya mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang menggariskan kesalahan kerana penganiayaan, pengabaian dan pembuangan atau pendedahan kanak-kanak.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata ada kes pendakwaan terhadap ibu bapa yang didapati cuai terhadap anak mereka sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian mangsa.

"Berdasarkan seksyen itu, mana-mana individu, ibu bapa, atau penjaga yang didapati bersalah, boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya.

"Ada kes, ibu bapa meninggalkan anak mereka yang berusia kurang 10 tahun bersendirian di rumah dan kanak-kanak itu kemudian didapati hilang.

"Apabila ditemui, kanak-kanak itu didapati sudah meninggal dunia akibat lemas dalam sungai berhampiran rumah keluarga," katanya.

Antara kes yang diambil tindakan oleh polis pada tahun ini, adalah terhadap seorang lelaki berusia 27 yang didapati cuai sehingga menyebabkan kematian anak lelakinya itu akibat kecederaan di bahagian kepala, di sebuah rumah di Flat Sri Langkawi, Gombak pada Januari lalu.

Lelaki terbabit mengakui bersalah ketika didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

Kecuaian meragut nyawa

Siti Kamsiah menegaskan, kecuaiannya terhadap keselamatan kanak-kanak dianggap suatu kesalahan yang serius kerana boleh menyebabkan kecederaan parah atau kematian.

"PDRM sentiasa membuat kempen kesedaran, program libat urus dan memberi peringatan kepada ibu bapa dan kanak-kanak mengenai bahaya yang ada di sekeliling mereka.

"Antara kaedah yang dilihat paling memberi kesan kepada pencegahan kes kehilangan kanak-kanak adalah sesi PDRM bersama kanak-kanak yang berisiko melarikan diri dari rumah.

"Mereka ini yang membuat keputusan sama ada mahu lari atau tidak, tertekan dan sebagainya, atau mengikut kekasih dan kawan.

"PDRM mahu memastikan mereka faham kesan tindakan yang diambil, risiko dan bahaya yang menanti jika bertindak lari rumah," katanya.

Beliau berkata, PDRM turut melakukan rondaan sekitar kawasan perumahan, kedai, sekolah bagi memantau dan membuat siasatan awal jika anggota terlihat kumpulan kanak-kanak yang mencurigakan ketika rondaan.

"PDRM melancarkan Portal Kanak-Kanak hilang di laman <http://knk2hilang.rmp.gov.my> pada Julai 2015 bertujuan memberi peluang kepada masyarakat bersama-sama membantu menjejak kanak-kanak hilang dengan lebih cepat dan berkesan.

"Selain itu, sistem Nur Alert telah ditubuhkan hasil kerjasama PDRM dengan 40 agensi kerajaan khusus untuk kanak-kanak bawah 12 tahun bertujuan membuat hebahan mengenai kes kanak-kanak hilang," katanya.

POLIS SIASAT DAKWAAN KANAK-KANAK CEDERA LANGGAR LARI

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/06/polis-siasatan-dakwaan-kanak-kanak-cedera-langgar-lari/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Polis membuka kertas siasatan berhubung dakwaan seorang kanak-kanak menjadi mangsa langgar lari hingga tular di Jalan Sitiawan-Taiping , pada 3 Mei lalu.

Ketua Polis Taiping, Razlam Ab Hamid, berkata polis mengesan satu hantaran dimuat naik pemilik akaun Twitter @Malaysianvirall memaparkan dua keping gambar tentang kejadian itu sehingga tular di media sosial.

“Hasil siasatan mendapati kemalangan itu berlaku pada 7.30 malam, 3 Mei lalu di lokasi tersebut melibatkan dua kenderaan iaitu pacuan empat roda dan motosikal.

“Bagaimanapun, pemandu pacuan empat roda didakwa melarikan diri selepas kejadian itu,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, siasatan mendapati, kedua-dua pihak terlibat dalam kejadian itu telah tampil membuat laporan polis pada keesokannya.

“Susulan laporan itu, polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 279 Kanun Keseksaan kerana memandu secara gopoh di jalan awam,” katanya.

Ketiga-tiga mangsa termasuk seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun menaiki motosikal itu cedera.

MAYAT SEORANG WANITA DITEMUKAN DALAM LONGKANG

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-seorang-wanita-ditemukan-dalam-longkang-418404>

Sumber : Astro Awani



SUNGAI PETANI: Mayat seorang wanita yang sudah membusuk ditemukan di dalam longkang di belakang sebuah rumah di Taman Perpaduan, di sini pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan, berkata polis menerima laporan kira-kira 5.47 petang oleh orang awam.

“Sepasukan anggota dihantar ke lokasi dan menemui mayat hanya memakai baju kelawar tanpa pakaian dalam.

“Hasil siasatan awal, menurut seorang saksi, dia terbau bau busuk dari belakang rumah. Sangkaan bau itu datang dari dalam tandas, dia mencuci tandas, namun bau busuk itu masih ada.

“Bagi memeriksa lebih lanjut, saksi terbabit membuka pintu belakang untuk memeriksa dan menemui mayat seorang wanita di dalam longkang,” katanya ketika dihubungi *Astro AWANI*.

Zaidy berkata, Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah telah melakukan pemeriksaan di tempat kejadian dan mayat wanita terbabit telah dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) untuk dibedah siasat.

Katanya, sesiapa yang menyaksikan atau kehilangan ahli keluarga diminta tampil dan membuat laporan di balai polis terdekat.

Jelas Zaidy, buat masa ini polis mengklasifikasikan sebagai mati mengejut sebelum mendapat keputusan hasil bedah siasat.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan.

WANITA MAUT SELEPAS KEJAR DAN LANGGAR PERAGUT BEG TANGAN

<https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/05/wanita-maut-selepas-kejar-dan-langgar-peragut-beg-tangan/>

Sumber : Utusan



PALU: Seorang wanita dilaporkan meninggal dunia selepas mengejar peragut yang mencuri beg tangannya.

Wanita yang dikenali sebagai Fitriani Bhamid, 30 tahun itu meninggal dunia selepas dia mengejar peragut dengan menunggang motosikal sebelum melanggar suspek.

Menurut polis, kejadian berlaku ketika mangsa menunggang motosikal di Jalan RE Martadinata ke arah pusat bandar Palu.

Peragut yang datang dari arah belakang terus meragut beg tengannya menyebabkan mangsa mengejar suspek.

Ketika hampir mendekati motosikal suspek, mangsa melajukan motosikalnya lalu melanggar suspek sekuat hati.

“Akibat insiden itu, mangsa terpelanting jauh menyebabkan bahagian kepalanya mengalami kecederaan parah.

“Hal itu menyebabkan mangsa meninggal dunia ketika dibawa ke hospital,” menurut Ketua Polis Palu, Stavanus Sanam.

Berikutan kejadian itu, suspek hanya mengalami kecederaan ringan dan kini ditahan bagi membantu siasatan.

Mangsa merupakan tenaga pengajar di sebuah sekolah di Sigi, Sulawesi Tengah.-AGENSI

WARGA EMAS WANITA DITEMUKAN MATI DI RUMAH

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/warga-emas-wanita-ditemukan-mati-di-rumah/>

Sumber : Utusan



KEMAMAN: Seorang wanita warga emas ditemukan meninggal dunia di kediamannya di Kampung Batu Empat, Binjai, dekat sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintenden Hanyan Ramlan berkata, mayat wanita berusia 76 tahun itu ditemukan di dalam bilik tidurnya selepas anak perempuannya yang berusia 45 tahun yang tinggal di Kuantan, Pahang pulang ke rumah ibunya kira-kira 7.30 malam.

Menurutnya, anak perempuannya pulang ke rumah tersebut selepas bimbang berlaku kejadian tidak diingini selepas panggilan telefon kepada ibunya itu tidak dijawab sejak dua hari lalu.

“Sebaik tiba, anaknya mendapati pintu rumah terkunci dari dalam dan dia memanggil ibunya beberapa kali, namun tidak dijawab.

“Anaknya mengesyaki ibunya meninggal selepas dia terhidu bau busuk dari luar bilik tidur ibunya dan dia kemudiannya menghubungi pihak polis,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Hanyan berkata, pihak polis kemudiannya mendapatkan khidmat anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Chukai untuk membuka pintu rumah tersebut dengan menggunakan peralatan khas.

“Mayat wanita itu kemudiannya dibawa ke Unit Forensik Hospital Kemaman untuk tindakan lanjut dan kita percaya tiada sebarang unsur jenayah ditemukan setakat ini,” ujarnya.

Beliau memberitahu, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut. – UTUSAN

WARGA EMAS CEDERA, RUMAH DIDIAMINYA TERBAKAR

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62932-warga-emas-cedera-rumah-didiami-terbakar>

Sumber : Berita RTM



ARAU, 7 Mei- Seorang wanita warga emas cedera setelah rumah didiaminya terbakar kira-kira pukul 8.30 pagi tadi.

Kejadian berlaku berhampiran pasar lama di sini.

Menurut kenyataan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira pukul 8.35 pagi.

"Sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Arau dengan lapan anggota terlibat dalam operasi pemadaman berkenaan diketuai Komander Operasi Pegawai Bomba Kanan II, Mohd.Norfardly Marshar Mohd Sharip.

"Kebakaran memusnahkan 50 peratus ruang tamu.

"Mangsa yang cedera di bawa ke Hospital Tuanku Fauziah oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM).

"Operasi tamat sepenuhnya pukul 9.16 pagi.

"Punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.



(Foto JBPM Perlis)

KAKAK OKU, ADIK NYARIS RENTUNG DALAM KEBAKARAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/257031/berita/semasa/kakak-oku-adik-nyaris-rentung-dalam-kebakaran>

Sumber : Sinar Harian



GEORGETOWN - Dua beradik nyaris rentung apabila bilik rumah flat yang didiami kedua-dua mangsa terbakar dalam kejadian di Jelutong di sini pada pagi Jumaat.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak, Timbalan Penguasa Bomba I A'azlan Hassan berkata, pihak bomba menerima panggilan kecemasan di Flat Central Garden daripada orang awam mengenai kejadian tersebut pada jam 10.40 pagi.

Bagaimanapun katanya, dua beradik berkenaan iaitu seorang lelaki berusia 17 tahun dan kakaknya yang juga orang kurang upaya (OKU) tidak mengalami sebarang kecederaan dalam kejadian itu.

"Apabila kita tiba di lokasi kejadian, kebakaran didapati berlaku di salah sebuah bilik rumah flat yang didiami kedua-dua mangsa.

"Mangsa yang merupakan dua beradik iaitu remaja lelaki berusia 17 tahun dan kakaknya yang juga OKU berusia 22 tahun berjaya menyelamatkan diri.

"Mereka tidak tercedera namun dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk pemeriksaan lanjut," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Kata beliau, kebakaran melibatkan sebuah bilik (kelas B) dan anggaran peratusan kemusnahan kebakaran adalah 30 peratus.

"Kita membuat 'size up' dan mengarahkan anggota untuk membuat kerja-kerja pengawalan dan pemadaman api.

"Kebakaran dapat dikawal pada jam 11.09 pagi dan telah dapat dipadamkan lima minit kemudiannya," katanya.

Beliau menambah, kerja 'overhaul' juga dijalankan dan kes diserahkan kepada pasukan forensik untuk tindakan selanjutnya.

"Operasi tamat pada jam 12.04 tengah hari.

"Punca dan jumlah kerugian sedang dalam siasatan," katanya.

LELAKI PUKUL ISTERI, TENDANG ANAK OKU DITAHAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/964121/lelaki-pukul-isteri-tendang-anak-oku-ditahan>

Sumber : Harian Metro



Ampang Jaya: Tindakan lelaki mabuk memukul isterinya dan anak kurang upaya (OKU) lembam di Kampung Tasik Permai, di sini, mengundang padah apabila ditahan polis, Khamis lalu.

Kejadian berlaku pada 11.15 tengah malam Rabu lalu, apabila wanita berusia 51 tahun yang sedang tidur dipukul suaminya yang baru pulang dalam keadaan mabuk.

Malah anak perempuannya yang juga OKU lembam turut ditendang.

Suspek turut mengugut ingin membunuh mangsa dengan pisau.

Bimbang dengan keselamatan diri mangsa kemudian meminta bantuan anak sulungnya dan tampil membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Ampang, Mohamad Farouk Eshak berkata, susulan laporan itu anggota kereta Peronda (MPV) IPD Ampang Jaya, menangkap suspek Khamis lalu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan suspek memiliki 13 rekod jenayah lampau.

"Ujian saringan air kencing mendapati suspek bebas dari sebarang penyalahgunaan dadah.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan," katanya kepada Harian Metro hari ini.